

07 NOV 1996

Mahathir-Perjanjian

PENYERTAAN MALAYSIA UNTUK JADIKAN TELEKOM GUINEA TERULUNG DI AFRIKA BARAT

Oleh: Rachman Nordin

CONAKRY, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan majlis menandatangani perjanjian melibatkan Telekom Malaysia Berhad dengan komitmen untuk membantu menjadikan kemudahan telekomunikasi Guinea yang terulung di Afrika Barat dalam tempoh tiga tahun.

Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kini pada hari ketiga lawatan rasmi empat harinya ke negara ini.

Walaupun acara itu berlangsung ringkas, namun ia amat bererti kerana majlis itu menandakan usaha perintis Telekom Malaysia di Afrika Barat untuk memodenkan sistem telekomunikasi Guinea yang terabai sejak tiga dekad.

Dr Mahathir menyaksikan syarikat usahasama Sotelgui, yang 60 peratus ekuitinya dikuasai Telecom Malaysia, menandatangani perjanjian itu dengan syarikat berpangkalan di Pulau Pinang, Alcatel Network Systems (Malaysia) Sdn Bhd.

Menurut para pegawai Malaysia, perjanjian itu meliputi pembekalan, penghantaran dan pengendalian ibu sawat telefon antarabangsa dan perkhidmatan berkaitan untuk Sotelgui dalam perjanjian bernilai AS\$1 juta (RM2.5 juta).

Mereka berkata perjanjian itu juga untuk menyediakan 2,000 litar panggilan jauh bagi meningkatkan kemudahan telekomunikasi antarabangsa Guinea.

Pegangan pelaburan Telekom Malaysia di Sotelgui berjumlah AS\$45 juta (RM112.5 juta) manakala 40 peratus saham yang dipegang kerajaan Guinea dalam bentuk asetnya.

Sotelgui ialah Socite Telecommunication de Guinea dan pelaburan pertama Telekom Malaysia di negara ini yang bermula Mac tahun ini.

Majlis menandatangani perjanjian Sotelgui-Alcatel pada sebelah pagi ini merupakan antara tiga perjanjian swasta dan memorandum persefahaman yang disaksikan Dr Mahathir hari ini.

Pada majlis lain hari ini, Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Padi Beras Nasional Berhad dan kerajaan Guinea untuk menubuhkan sebuah syarikat bagi memajukan industri beras negara itu dengan pelaburan permulaan AS\$3.4 juta (RM8.5 juta) dengan Bernas menguasai 80 peratus saham dan selebihnya oleh kerajaan Guinea.

Bernas akan memperkenalkan kaedah perladangan moden dan pengilangan beras di kawasan 1,800-hektar di Monchon, kira-kira 200km dari sini.

Selepas mengunjungi Speaker Parlimen Guinea Boubacar Diallo, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah diraikan pada jamuan persendirian oleh Presiden Lansana Conte di dusun Presiden di Dubreka, 45km dari sini.

-- BERNAMA

RN AHH